

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Kes jangkitan baharu menurun

Putrajaya: Kes jangkitan baharu COVID-19 di negara ini menurun kepada 3,170 kes semalam berbanding 4,008 kes yang dilaporkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 sebanyak 172,549 kes.

Katanya, Kuala Lumpur pula mencatatkan kes harian tertinggi semalam dengan 576 kes baharu bersamaan 18.2 peratus dengan 310 kes (56.9 peratus) daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat di lapangan.

"Ini diikuti Selangor sebanyak 545 kes (17.2 peratus) dan Johor (423 atau 13.2 peratus). Sebanyak 26 kes (0.8 peratus) yang dilaporkan adalah dari kluster dalam lokap, depot tahanan imigresen dan penjara.

"Ia membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (10 kes), Kluster Damai Pelangi (8 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (5 kes), Kluster Tembok Mempaga (2 kes), dan Penjara Sungai Jelok (1 kes)," katanya dalam sidang media COVID-19, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, bagi kes kematian terdapat 12 kes dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 642 kes atau 0.37



Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah (depan) melakukan rondaan prosedur operasi standard PKP di sekitar Pasar Pudu, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, semua kes kematian membabitkan warga tempatan iaitu empat kes di Johor, Selangor (tiga), masing-masing dua kes di Sabah dan satu kes di Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata, 2,490 kes sembah dilaporkan setakat ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada COVID-19 sebanyak 130,152 kes.

Dr Noor Hisham turut berkata,

16 kluster baharu dikesan semalam dan antara kluster itu berpunca daripada aktiviti bermain golf.

"Kluster berkenaan dikesan di Langkawi, Kedah yang dinamakan sebagai Kluster Gunung Raya, merujuk kepada aktiviti bermain golf oleh kes indeks lelaki berusia 58 tahun di Gunung Raya Golf Resort pada 13 Januari lalu.

"Daripada 46 individu yang disaring, 11 kes dikesan positif COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 11

lagi kluster lain dikesan, iaitu Kluster Jalan Trolak dan Kluster Pasar Borong KL 2, Kluster Kota Mubillah dan Kluster Jalan Slim di Perak.

"Tiga kluster tempat kerja di Johor adalah Kluster Seri Bayu, Kluster Tampoi Tujuh dan Kluster Jalan Sempadan manakala di Sabah ialah Kluster Silimpopon dan Kluster Ladang Sebrang.

"Satu kluster masing-masing di Selangor dan Kedah, iaitu Kluster Jalan Canang Emas dan Kluster Orian," katanya.

Saringan tertumpu kepada kes positif, kontak rapat

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) hanya akan menjalankan ujian saringan COVID-19 termasuk terhadap murid sekolah jika ada kes positif baharu dikesan dalam komuniti atau terdedah kepada kes positif.

Ketua Pengarah kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian itu tidak menjalankan saringan terhadap semua warganegara termasuk mereka yang kembali semula ke sekolah.

"Kita hanya menjalankan saringan tertumpu kepada kes yang positif dan kontak rapat.

"Itu keutamaan yang kita jalankan," katanya pada sidang media mengenai penularan COVID-19 di sini, semalam.

Beliau mengulas implikasi apabila tiada saringan diwajibkan terhadap pelajar sekolah yang kembali ke sekolah secara bersemuka.

Semalam, 36 pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dikesan positif COVID-19 di Sabah.

BH semalam melaporkan, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Kewangan II Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata pelajar berkenaan dikesan positif dalam saringan sebelum dibenarkan kembali ke asrama mulai 16 Januari lalu.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga sedang meningkatkan kapasiti makmal bagi membolehkan sebanyak 100,000 sampel ujian RT-PCR dapat diuji setiap hari.

Sementara itu, beliau berkata, koordinasi di antara KKM dan pusat perubatan swasta melalui Pusat Penilaian COVID-19 (PPC) dalam mengendalikannya pesakit pandemik dijangka bermula minggu depan.

Katanya, mesyuarat ketiga akan diadakan dengan pihak terbabit Sabtu ini.

"Apabila beroperasi kelak, PPC akan memperkemaskan pengurusan kes COVID-19 antara kedua-dua perkhidmatan hospital awam dan swasta.

"Kami sedang melihat untuk menyelaras sektor awam dan swasta.

"Justeru, melalui PPC, semua kes COVID-19 akan dinilai di pusat itu.

"Ia termasuk mencari cara untuk memantau pesakit tahap satu dan dua yang menjalani kuarantin di rumah dengan bantuan doktor swasta," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

Enam kluster akibat ingkar patuhi SOP

Penularan bermula di tempat kerja kini merebak ke 4 daerah

Kuala Lumpur

Terengganu merekodkan enam kluster Covid-19 yang berpunca daripada ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja, kata Pengarah Kesihatan negeri, Dr Nor Azimi Yunus.

Beliau berkata, terbaru pada 16 Januari lepas, berlaku satu kluster Covid-19 di tempat kerja dan sehingga kini ia sudah menular di empat daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun dan Setiu.

"Kluster ini bukan terhad kepada rakan sepejabat sahaja, tetapi sudah menular kepada keluarga pekerja dan kontak sosial yang lain yang jumlah keseluruhan kes positif dari kluster ini seramai 35 orang.

"Kluster Covid-19 sama



Kluster Covid-19 sama ada di tempat kerja atau mana-mana pun masih boleh dicegah jika setiap orang amalkan kepatuhan SOP sepenuhnya. Jangan ambil mudah nasihat elak 3C dan amal 3W yang sering dipesan Kementerian Kesihatan,"

Dr Nor Azimi

ada di tempat kerja atau mana-mana pun masih boleh dicegah jika setiap orang amalkan kepatuhan



SOP sepenuhnya.

"Jangan ambil mudah nasihat elak 3C dan amal 3W yang sering dipesan Kementerian Kesihatan. Hanya ini tindakan paling berkesan buat masa ini untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19," katanya dalam hantaran Facebooknya, semalam.

Elakkan 3C iaitu jauh kawasan yang sesak (*crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang dengan jarak yang dekat (*close conversation*) manakala amalan 3W - kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup muka di tempat awam (*wear*) dan peringatan KKM (*warn*) seperti elak bersalaman dan rawatan segera jika bergejala.

Dr Nor Azimi berkata, semua pihak perlu menilai semula tahap kepatuhan SOP di tempat kerja dan tidak lagi mengulangi kesilapan sama untuk mencegah penularan Covid-19 pada masa akan datang dengan mengawal tingkah laku masing-masing walaupun dalam keadaan pejabat yang sempit.

Polis siasat aktiviti judi di pusat kuarantin

Sepang: Polis membuka kertas inkuiri bagi menyiasat dakwaan berlakunya aktiviti judi di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang seperti yang tular di laman sosial baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, kertas inkuiri

itu dibuka selepas pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu daripada seorang anggota yang bertugas di Balai Polis Dato Abu Bakar Baginda, Sepang semalam.

"Kertas inkuiri ini dibuka bagi membolehkan polis membuat siasatan lanjut (mengenai kejadian itu) selain untuk pemantapan pemeriksaan pesakit di Maeps," katanya, semalam.

3 rakyat kita dikesan Covid-19 di Singapura

Singapura: Tiga rakyat Malaysia merupakan antara empat kes baharu jangkitan tempatan Covid-19 dilaporkan di Singapura, menurut Kementerian Kesihatan Singapura (MOH).

Kementerian itu menyatakan yang mereka bekerja di tempat yang sama dengan Kes 59429, seorang lelaki Penduduk Tetap Singapura yang bekerja di BS Industrial & Construction

Supply PTe Ltd.

Lelaki itu sudah disahkan dijangkiti Covid-19 pada 18 Januari, menurut kenyataan itu dalam data penuh yang dikeluarkan di sini, kelmarin.

Ketiga-tiga mereka merupakan pemegang pas kerja dengan seorang dimasukkan ke Hospital Tan Tock Seng manakala dua ditempatkan di Pusat Penyakit Berjangkit Kebangsaan (NCID).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

12 kematian, Kuala Lumpur catat jangkitan tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 3,170 kes baharu positif Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu bertambah kepada 172,549 kes dengan kebolehhajjangan 41,755 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, lapan kes import dan 3,162 kes penularan tempatan.

"Kuala Lumpur melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 576 kes. Daripada jumlah itu sebanyak 310 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat yang dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Selangor sebanyak 545 kes dan Johor sebanyak 423 kes.

"Sebanyak 26 kes yang di-

laporkan hari ini (semalam) berkaitan kluster di lokap, depoh tahanan imigresen dan penjara yang memabatkan Kluster Penjara Jalan Harapan (10 kes), Kluster Damai Pelangi (8 kes), Kluster Penjara Seberang

Perai (5 kes), Kluster Tembok Mempaga (2 kes) dan Penjara Sungai Jeluk (1 kes)," katanya dalam sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 2,490 kes pulih dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 130,152 kes.

Selain itu, katanya, terdapat 260 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi

(ICU) dengan 103 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, kes kematian semalam adalah 12 kes menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 642 kes iaitu 0.37 peratus.

"Kes kematian memabatkan empat kes di Johor, Selangor (3 kes), Sabah (2 kes) dan masing-masing satu kes dari Negeri Sembilan, Perak dan Sa-

rawak.

"Semua kes adalah warganegara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka," katanya.

Kuala Lumpur melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 576 kes

Dr Noor Hisham

PKP di tujuh negeri dilanjutkan

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tujuh negeri hingga 4 Februari depan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, negeri berkenaan adalah Pulau Pinang,

Selangor, Kelantan, Sabah, Melaka, Wilayah Persekutuan (Labuan, Putrajaya, Kuala Lumpur) dan Johor.

"Berdasarkan penilaian risiko Kementerian Kesihatan (KKM) masih berlaku peningkatan mendadak kes Covid-19 di tujuh negeri

yang dikenakan PKP lebih awal sebelum ini.

"Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersetuju melanjutkan PKP di tujuh negeri ini yang kita seragamkan penamatannya dengan negeri lain," katanya dalam sidang media, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : COVID-19

Tak abai pelajaran

Oleh Rafiqah Dahali
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Seramai 36 pelajar di Sabah yang dikesan dijangkiti Covid-19 melalui ujian saringan dijalankan ke atas mereka bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Kewangan II Sabah Datuk Masidi Manjun berkata, pelajar terbabit dalam kalangan mereka yang dibenarkan pulang ke asrama mulai 16 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, pelajar terbabit masih boleh meneruskan pembelajaran ketika menjalani tempoh kuarantin.

"Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah menyediakan perkhidmatan internet di setiap Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Risiko Rendah (PKRC) di seluruh negeri.

"Pelajar yang menjalani rawatan dan tempoh kuarantin boleh menggunakan perkhidmatan ini untuk

36 calon SPM, STPM dijangkiti Covid-19 terus pengajian ketika dalam kuarantin

menjalankan sesi pembelajaran atas talian," katanya.

Sebelum ini, Pengarah Pendidikan Sabah Datuk Dr Mistrine Radin berkata, langkah pencegahan diambil bagi memastikan tiada pelajar dijangkiti Covid-19 berada di dalam asrama sekolah.

Sebelum ini, kerajaan negeri menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) menyediakan proses uji-

an saringan percuma di asrama beberapa sekolah menengah di negeri ini bermula 16 Januari lalu.

Kelmarin, 33,503 pelajar SPM dan 17,791 pelajar STPM di Sabah kembali ke sekolah bagi menduduki sesi pembelajaran secara bersemuka.



Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah menyediakan perkhidmatan internet di setiap PKRC di seluruh negeri"

Masidi Manjun



Tiada penularan mutasi varian B.1.1.7. dalam negara

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan lebih 20 ujian membabitkan mutasi baharu dari United Kingdom (UK) dikenali sebagai varian B.1.1.7.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiada penularan dalam negara dikesan berkaitan virus mutasi berkenaan.

Menurutnya, mutasi baharu itu dikesan pada 11 Januari lalu selepas lelaki berusia 22 tahun yang kembali dari UK pada Disember disahkan positif.

"Kami menjalankan ujian RT-PCR, tetapi nilai ambang

(CT value) adalah rendah bererti jumlah virus dalam tubuh pesakit itu tinggi.

"Jadi kami gunakan kes itu untuk penjujukan genom. Kami juga ada empat lagi kes dikesan positif selepas kembali dari UK tapi nilai ambangnya juga tinggi," katanya dalam sidang media di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, KKM turut melihat kepada 19 kes tempatan yang dikesan dan menjalankan penjujukan genom.

Namun, katanya, semua sampel berkenaan tiada mutasi B.1.1.7 dikesan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

KL catat kes harian Covid-19 tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kuala Lumpur mencatatkan kes harian tertinggi dengan 576 kes atau 18.2 peratus daripada kes harian negara sebanyak 3,170 kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ia diikuti Selangor sebanyak 545 kes dan Johor (423 kes).

"Sebanyak 16 kluster baharu dikenal pasti dengan 11 kluster berkaitan tempat kerja, dua kluster komuniti, dua kluster melibatkan kumpulan berisiko serta satu kluster berkaitan keagamaan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, Kluster Jalan Terolak di Kepong, Kuala Lumpur dengan 16 kes di sebuah kilang di Jalan Terolak berdekatan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, manakala Kluster Pasar Borong KL 2 di Lembah Pantai dengan 20 kes dengan kes indeks bergejala.

"Kluster tersebut melibatkan Pasar Borong Kuala Lumpur di Pusat Bandar Utara Selayang, Kuala Lumpur," ujarnya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, ujian saringan kepada pelajar yang pulang ke sekolah akan dijalankan sekiranya terdapat kes positif selain mereka



EKSEKUTIF Pemasaran Alami Garden Hotel, Ayyda Rezwan melakukan kerja sanitasi pada setiap kawasan premis Alami Garden Hotel, Shah Alam, Selangor semalam. – ZULFADHLI ZAKI

yang terdedah kepada kes Covid-19.

Jelasnya, keutamaan Kementerian Kesihatan (KKM) adalah tertumpu kepada kes positif serta kontak rapat kepada kes tersebut.

"Kita tak jalankan saringan kepada semua warganegara dan mereka yang kembali ke sekolah. Saringan tertumpu kepada kes

positif dan kontak rapat kes.

"Itu keutamaan kita dalam menjalankan ujian tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya susulan seramai 36 kes pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dikesan positif

Covid-19 kelmarin di Sabah.

Dalam perkembangan lain, Noor Hisham berkata, KKM akan meningkatkan keupayaan makmal bagi menjalankan ujian Covid-19 mencecah kepada 100,000 dalam masa terdekat.

"Makmal kita sudah ditingkatkan iaitu di Sabah sebanyak enam makmal, manakala di Se-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

| | Jumlah |
|------------------------------------|----------------|
| • Kes baharu | 3,170 |
| • Import: 8 Tempatan: 3,162 | |
| • Pulih | 2,490 |
| • Kematian | 12 |
| • Masih dirawat | 41,755 |
| • Jumlah kes sembuh | 130,152 |
| • Jumlah Kematian | 642 |
| Jumlah kes keseluruhan | 172,549 |

menanjung sebanyak 68 makmal.

"Kita akan tempatkan makmal sebagaimana kita laksanakan di Lahad Datu dan Tawau ke hospital lain," katanya.

Katanya, pihaknya turut melihat kepada kerjasama awam dan swasta selain pihak universiti, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam meningkatkan keupayaan tersebut kepada 100,000 ujian sebelum ditingkatkan kepada 150,000 ujian.

Frontliner berdepan kelesuan mental, fizikal

PUTRAJAYA – Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengakui ramai dalam kalangan petugas kesihatan dan barisan hadapan serta pengurus berdepan kelesuan mental dan fizikal sepanjang berdepan 'perang' melawan Covid-19.

Menurutnya, ia adalah cabaran yang perlu dihadapi petugas di Kementerian Kesihatan (KKM) dan barisan hadapan yang lain.

"Inilah cabaran yang perlu dihadapi dan ia bukan mudah. Kita kena berperang melawan Covid-19 kerana tiada cara lain.

"Kita sudah berperang dengan Covid-19 untuk tempoh yang agak lama iaitu lebih setahun.

"Kita juga tidak nampak lagi penghujung pertempuran atau peperangan melawan Covid-19 ini," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tahap kelesuan mental dan fizikal dihadapi barisan hada-

pan yang kini sudah memasuki fasa yang membimbangkan.

Katanya, pihaknya kini sedang melihat pelbagai langkah sesuai bagi memastikan petugas yang terjejas ini diberi ruang untuk mengurangkan tekanan dihadapi termasuk menerusi penggiliran dalam bertugas.

Jelasnya, pihaknya ada menyediakan perkhidmatan mental dan sokongan psikososial yang sudah beroperasi sejak Januari 2020.

Menurutnya, mereka yang terjejas boleh menghubungi talian sokongan psikososial supaya mereka dapat berkongsi masalah yang dialami.

"Kami akan berusaha sedaya mungkin untuk mengubah situasi di tempat kerja dan melihat kepada penggantian tugas di lapangan," katanya.

Sebelum ini, beberapa laporan media berkongsi tekanan dihadapi petugas kesihatan dan barisan hadapan ketika melawan Covid-19.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Keputusan dibuat selepas tujuh negeri tunjuk trend peningkatan kes positif **PKP dilanjut hingga 4 Februari**

Oleh NUR HUĐA MUSA

PETALING JAYA – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tujuh negeri yang sepatutnya berakhir Selasa ini dilanjutkan sehingga 4 Februari depan.

Negeri berkenaan ialah Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan penilaian risiko yang dibentangkan Kementerian Kesihatan (KKM) selepas kesemua negeri berkenaan masih menunjukkan trend peningkatan kes positif harian Covid-19.

"Susulan pelanjutan tempoh berkenaan, tarikh tamat kesemua negeri yang dikenakan PKP adalah sama iaitu 4 Februari," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri



PELAKSANAAN PKP di tujuh negeri dilanjut sehingga 4 Februari ini kerana kes semakin meningkat. – GAMBAR HIASAN.

berkata, KKM mengesahkan trend kes di Pulau Pinang masih menaik dan semua daerah kini

berada di dalam Zon Merah dengan dua daerah merekodkan kes tertinggi iaitu Barat Daya

(915 kes) dan Timur Laut (598 kes).

Katanya, dari 7 Januari sehingga 20 Januari lalu, telah berlaku penularan tempatan yang tinggi di negeri Selangor di mana secara purata kes harian melebihi 1,000 kes telah dilaporkan dalam tempoh 14 hari.

"Empat daerah pula mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu Klang (4,403), Petaling (3,125), Hulu Langat (2,550) dan Sepang (1,203).

"KKM turut mengesahkan trend jangkitan dalam komuniti semakin meningkat di Melaka," jelasnya.

Mengulas mengenai kes Covid-19 di Wilayah Persekutuan, Ismail Sabri berkata, KKM mengesahkan kes harian masih lagi tinggi di Kuala Lumpur iaitu antara 198 hingga 521 kes sehari serta wujud beberapa kluster baharu yang menyumbang kepada peningkatan kes.

"Sementara di Putrajaya dan Labuan, KKM mendapati

masih berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak di dalam komuniti ketika ini.

"Manakala bagi negeri Johor, jumlah kes harian masih tinggi dengan purata 405 kes sehari di mana lapan daerah berada di dalam zon merah serta dua daerah zon jingga," ujarnya.

Selain itu katanya, KKM turut melaporkan terdapat peningkatan mendadak kes positif di Kelantan dengan 1,208 kes direkodkan dalam tempoh 14 hari sejak 7 sehingga 20 Januari lalu.

"Di Sabah, sehingga 20 Januari lalu, secara kumulatif sebanyak 45,008 kes positif telah direkodkan di negeri ini dengan 6,027 kes direkodkan dalam masa 14 hari dari 7 Januari lalu.

"Sehingga kini sebanyak 23 daerah berada di dalam zon merah, tiga zon kuning dan satu zon jingga. Selain itu, turut terdapat peningkatan kes serta kluster baharu di negeri ini termasuk hasil saringan daripada kontak rapat," tambahnya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 17
 RUANGAN : NEGARA



PETUGAS Unit Tabung Darah HRPB tetap menjalankan kempen dan program derma darah secara terkawal dalam tempoh PKP.

Isi borang sebelum keluar menderma

IPOH – Orang ramai digalakkan untuk terus menderma darah terutama bagi mereka yang sihat demi memastikan stok bekalan Unit Tabung Darah, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) mencukupi.

Ini berikutan keperluan darah yang mencukupi sangat penting untuk merawat pesakit khususnya yang menjalani pembedahan besar semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pegawai Perhubungan Awam Unit Tabung Darah HRPB, Khairul Anuar Mohd. Nor berkata, bagi memudahkan urusan terse-

but, penderma boleh mengisi slip perjalanan penderma darah secara atas talian.

Menurut beliau, perkhidmatan menderma darah akan dijalankan setiap hari termasuk pada hari minggu di pusat beli-belah dan beberapa lokasi terpilih yang ditetapkan.

"Slip ini bertujuan membantu para penderma sekiranya disekat pihak berkuasa semasa dalam perjalanan pergi atau pulang dari tempat menderma darah semasa PKP.

"Unit Tabung Darah HRPB tetap menjalankan kempen dan program derma darah se-

cara terkawal bagi memastikan bekalan darah sentiasa ada," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Selain melakukan pendermaan darah di Bilik Pendermaan Darah HRPB Ipoh, lokasi kempen bergerak pula diadakan di pusat beli-belah AEON Kinta City, AEON Station 18 dan AEON Big Falim.

Jelas Mohd. Khairul, Pusat Darah Negara telah mendapat kelulusan daripada Majlis Keselamatan Negara untuk meneruskan kempen derma darah bergerak dan membenarkan penderma darah untuk datang menderma.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Perang Covid-19 tiada pengakhiran

Petugas kesihatan dan pengurusan mengalami kelesuan mental serta fizikal

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengakui peperangan melawan pandemik Covid-19 masih tiada pengakhiran walaupun sudah setahun bergelut dengan virus tersebut.

Menurutnya, tempoh perang yang panjang menyebabkan petugas kesihatan dan pengurusan mengalami kelesuan mental serta fizikal.

"Lebih setahun, kita masih tidak nampak pengakhiran," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini pada Khamis.

Menurutnya, menyedari hal itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MH-PSS) kepada semua petugas yang terjejas.

"Mereka boleh menghubungkan talian itu bagi membolehkan bantuan diberikan," katanya.

Beliau yang digelar 'Pangli-

ma Perang' oleh rakyat berkata, pihaknya memberi ruang kepada petugas kesihatan untuk bertugas secara bergilir-gilir.

"KKM juga mempertimbangkan untuk membuat penggantian tugas di lapangan. Ia bukan mudah, kita tiada cara lain," katanya mengulas mengenai kelesuan yang dihadapi petugas dan pengurusan KKM.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 16 lagi kluster baharu Covid-19 dilaporkan pada Khamis termasuk 11 daripadanya adalah kluster di tempat kerja, semen-



DR NOOR HISHAM

tara 3,170 kes baharu direkodkan.

Menurutnya, kluster di tempat kerja melibatkan dua di Kuala Lumpur iaitu Kluster Jalan Terolak dan Kluster Pasar Borong KL; di Johor melibatkan Kluster Seri Bayu, Kluster Tampoi Tujuh dan

Kluster Jalan Sempadan serta Kluster Kota Muhibbah dan Jalan Slim masing-masing di Perak.

"Selain itu, Kluster Silimpun dan Ladang Sebrang (Sabah), Kluster Orion di Kedah dan Kluster Jalan Canang Emas di Selangor.

"Kluster aktiviti keagamaan

pula ialah Kluster Taman Sejahtera di Perak, sementara kluster kumpulan berisiko ialah Kluster Mandin Jaya (Pulau Pinang) dan Kluster Jalan Kelapa (Selangor) serta dua kluster jangkitan komuniti ialah Kluster Kampung Tanah Merah (Terengganu) dan Kluster Gunung Raya (Kedah)," katanya.



Menurutnya, Kuala Lumpur mencatat kes tertinggi iaitu 576, diikuti Selangor (545), Johor (423), Sabah (401), Perak (245), Pulau Pinang (171), Kedah (156), Kelantan (135), Sarawak (132), Melaka (106) dan 102 kes di Negeri Sembilan.

"Sebanyak 12 kematian dilaporkan pada Khamis dan semuanya warganegara," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 21 Januari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH | ICU | KEMATIAN | KES BAHARU |
|--------------------|---------|-----|----------|------------|
| 172,549 | 130,152 | 260 | 642 | +3,170 |



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : SINAR NEGERI JOHOR

JKNJ keluarkan 56 kompaun berjumlah RM28,000

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengeluarkan 56 kompaun berjumlah RM28,000 setakat bulan ini atas kesalahan mewujudkan tempat pembiakan aedes.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan berkata, kompaun itu dikeluarkan menerusi aktiviti penguatkuasaan terhadap pemilik kediaman dan premis perniagaan selepas menemukan tempat pembiakan aedes.

"Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak menjadi halangan petugas kesihatan menjalankan aktiviti kawalan. Aktiviti pemusnahan tempat pembiakan (PTP) terus dijalankan anggota jabatan kesihatan di luar rumah.

"Aktiviti-aktiviti kawalan yang lain seperti semburan thermal dan larvaciding masih diteruskan dalam tempoh PKP bagi memastikan demam denggi terus menurun dan dalam keadaan terkawal,"



Air bertakung yang mengandungi jentik-jentik ditemukan di sebuah rumah di Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru dalam operasi dilakukan kakitangan JKNJ.

DENGGI

katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Katanya, dalam tempoh PKP masyarakat banyak menghabiskan masa dalam rumah dan amat penting mereka meluangkan masa dengan memastikan keadaan dalam rumah mereka bebas aedes.

Sementara itu, beliau berkata, kes denggi yang direkodkan di negeri ini pada minggu epid kedua atau minggu lalu berjumlah 72 kes sekali gus me-

nyaksikan penurunan 71.1 peratus berbanding minggu epid pertama iaitu 87 kes.

Jelasnya, 19 kes atau 26.4 peratus dilaporkan dari lokaliti wabak dan 53 kes (73.6 peratus) dari lokaliti bukan wabak daripada jumlah kes denggi dilaporkan sepanjang minggu epid kedua.

Menurut beliau, kumulatif kes pada minggu epid kedua berjumlah 159 kes sekali gus mencatatkan penurunan 64.8 per-

atus kes berbanding tempoh sama pada tahun lalu berjumlah 452 kes.

"Daerah Johor Bahru merekodkan jumlah kes tertinggi dengan menyumbang 61 kes iaitu 84.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes diikuti Pontian tiga kes, Tangkak dan Kulai masing-masing dua kes serta Batu Pahat, Segamat, Kota Tinggi dan Muar masing-masing satu kes.

"Tiada kes dilaporkan di Kluang dan Mersing. Daerah yang melaporkan peningkatan kes pada minggu epid kedua berbanding minggu epid pertama adalah daerah Kulai, Muar dan Pontian," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pihaknya terus mempergiatkan aktiviti pencegahan denggi melalui info grafik dalam media sosial JKNJ dan hebahan radio.

JKNJ katanya memuat naik infografik Situasi Denggi Negeri Johor dan Peta Lokaliti Wabak Denggi Mengikut Mukim Negeri Johor secara harian.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tak patuh SOP punca enam kluster di Terengganu

KUALA TERENGGANU: Kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja menyebabkan berlakunya enam kluster Covid-19 di negeri ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Nor Azimi Yunus berkata, kluster terbaharu dikesan pada 16 Januari lalu dan sehingga kini telah menular ke empat daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun dan Setiu.

Malah katanya, kluster tersebut turut menjangkiti kalangan ahli keluarga dan kontak sosial lain menjadikan keseluruhan kes positif seramai 35 orang.

“Pengajaran daripada kluster tempat kerja adalah kegagalan dalam pematuhan SOP dan diburukkan oleh pergerakan yang tidak terkawal dan melibatkan kumpulan ramai.

“Kita boleh menilai sendiri setakat mana kepatuhan SOP di tempat kerja, berapa ramai yang memakai pelitup muka

di pejabat dan memandang remeh penggunaannya padahal kita tidak tahu status Covid-19 kawan kita yang mungkin baru balik dari zon merah atau ada kontak rapat,” katanya dalam hantaran di laman Facebook semalam.

Menurut Nor Azimi, kesilapan terbesar masyarakat ialah membuka pelitup muka ketika bercakap.

Sedangkan katanya, virus Covid-19 boleh berjangkit melalui titisan air yang disebarkan melalui percakapan di samping bersin dan batuk.

“Di samping itu kita masih mengamalkan bersembang secara rapat, bersalaman dan bersentuhan sedangkan sepatutnya kita semua sudah membudayakan kebiasaan baharu.

“Jangan ambil mudah nasihat elak 3C dan amal 3W kerana hanya ini tindakan paling berkesan buat masa ini untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY



'Cases may drop with 3-4 weeks of MCO'

PUTRAJAYA: Malaysia can expect to see a decline in Covid-19 cases only in three or four weeks with the Movement Control Order (MCO) 2.0 in place.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this amid a surge in daily cases, with the number of active cases breaching the 40,000 mark yesterday.

The Health Ministry yesterday logged 3,170 new infections, raising the total number of cases to 172,549, of which 41,755 were active cases.

Malaysia yesterday also hit the highest number of Covid-19 patients in intensive care units at 260.

Dr Noor Hisham said with the MCO in all states, except Sarawak, it could take about two



Dang Wangi district police chief Assistant Commissioner Mohamad Zainal Abdullah (front) checking on SOP compliance at the Pudu market in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

weeks to stabilise the number of daily infections before Malaysia could see a drop in cases by mid-February.

"We are doing our best (in managing this pandemic with public and private partnership)," he said at a press conference here yesterday.

"The cases are increasing every day and we hope (the situation will improve) with the MCO (which took effect) from Jan 13.

"It could take about two weeks to see whether we can stabilise the cases.

"Hopefully, it will stabilise before we see a decline in cases in probably three or four weeks."

He stressed on the importance of coordinating a public-private partnership in the healthcare sector to enable integration of facilities and human resources, which was made possible with the Emergency.

The ministry, he said, was looking at conducting training for the public and private sectors in terms of infection control and integration of facilities and healthcare workers, such as hospital staff.

"The private healthcare sector has been assisting the public sector since the second wave by mobilising specialist doctors to government hospitals and by treat-

ing non-Covid-19 patients sent to private hospitals.

"Private hospitals have in the past treated Covid-19 patients who were initially admitted for severe acute respiratory infection (SARI).

"Now, we are looking at whether we can send Covid-19 patients to them. It will also be helpful if they can manage their own patients rather than refer to us.

"More importantly, with the Emergency, healthcare professionals can work with the public sector and can be mobilised to the private sector and from one hospital to another, as long as their services are needed.

"We have a common enemy, which is Covid-19.

"So we need to join forces to boost our capacity, facilities and human resources."

The Health Ministry, he said, had decided to set up a Covid-19 Assessment Centre, involving the public and the private sectors, that would categorise patients by the severity of their symptoms.

Details of this, he said, would be ironed out later this week, following discussions with the private sector tomorrow.

"All Covid-19 cases will be assessed at the centre.

"Once they have been assessed,

whether, for example, they are in low-risk groups and are young patients, (they) can be monitored at home.

"Then we will look into how they can be monitored at home using the MySejahtera application. We can rope in general practitioners to help the ministry to look into how we can monitor patients at home.

"We will designate the hospitals or Quarantine and Low-Risk Treatment Centre to admit high-risk patients (following assessment of age and comorbidities).

"We hope to manage some group of patients at private hospitals, such as expats and embassy staff, as Universiti Malaya Medical Centre and Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Centre (two centres identified for them) have reached full capacity."

He said the ministry aimed to increase Covid-19 labs' testing capacity of RT-PCR tests to 150,000 tests daily.

"We have 68 labs and testing capacity could be increased in certain labs.

On another issue, he said the government would conduct targeted screening tests only if there were new infections in a community, including cases that involve school students.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation
(As at 7pm Jan 21, 2021)

Malaysia New cases **3,170** Total cases **172,549** Total deaths **642 (+12)** Total recovered **130,152 (+2,490)**

| State | Perlis | Kedah | Penang | Perak | Selangor | Kelantan | Terengganu | Pahang | N.Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | FT K. Lumpur | FT Putrajaya | FT Labuan |
|----------------------|------------|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|--------|-------|---------|--------------|--------------|-----------|
| | +8 | +156 | +171 | +245 | +545 | +135 | +57 | +48 | +102 | +106 | +423 | +401 | +132 | +576 | +33 | +32 |
| Asean+ | Indonesia | Philippines | Japan | Myanmar | China | S. Korea | Singapore | Thailand | Vietnam | Cambodia | Brunei | Laos | | | | |
| Confirmed cases | 951,651 | 507,717 | 339,774 | 135,721 | 88,701 | 73,918 | 59,235 | 12,795 | 1,544 | 453 | 174 | 41 | | | | |
| Deaths | 27,203 | 10,116 | 4,647 | 2,997 | 4,635 | 1,316 | 29 | 71 | 35 | 0 | 3 | 0 | | | | |
| Recovered | 772,790 | 467,475 | 264,987 | 119,314 | 82,468 | 60,846 | 58,926 | 9,842 | 1,406 | 396 | 169 | 41 | | | | |
| Global Top 10 | US | India | Brazil | Russia | UK | France | Italy | Spain | Turkey | Germany | | | | | | |
| Confirmed cases | 24,998,975 | 10,611,719 | 8,639,868 | 3,655,839 | 3,505,754 | 2,965,117 | 2,414,166 | 2,412,318 | 2,406,216 | 2,090,161 | | | | | | |
| Deaths | 415,894 | 152,906 | 212,893 | 67,832 | 93,290 | 71,652 | 83,681 | 54,637 | 24,487 | 50,296 | | | | | | |
| Recovered | 14,968,716 | 10,265,706 | 7,564,622 | 3,054,218 | 1,571,519 | 213,242 | 1,806,932 | N/A | 2,283,919 | 1,741,800 | | | | | | |

'Malaysians the most stressed out from Covid-19 and WFH'

By HEMANANTHANI SIVANANDAM
hemananthani@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia has a greater proportion of people working from home during the Covid-19 pandemic compared with the global average, but its people are also experiencing the highest level of anxiety among the 28 countries polled, a survey revealed.

Market research firm Ipsos, in its latest study on the pandemic's effect on the workforce, found that 65% of Malaysians said they were working from home, compared to the 52% global average.

The online study was conducted among 12,823 employed adults aged 16-74 across 28 countries.

Among the countries polled were Argentina, Australia, Belgium, Brazil, Britain, Canada, Chile, China, Colombia, France, Germany, Hungary, India, Italy, Japan, Mexico and the United States.

The survey firm said that the stress came from changes in routine, family pressure and other concerns.

It noted that 63% of Malaysian workers to a large or some extent are finding it difficult achieving work-life balance.

"Work-life balance is a challenge for about two-thirds of Malaysian employees. About 62% polled felt that their homes are unequipped to get the work done.

"More than half of Malaysian employees (57%) feel lonely and isolated while working from home," said Ipsos in a statement.

It also found that women and those aged below 35 years as well as lower income employees also experienced negative effects of working from home more significantly than others.

Ipsos Malaysia director Arun Menon said the pandemic brought considerable disruption to the life of workers across the world.

"However, the negative effects of the pandemic related changes are uneven. Female employees are more likely to be impacted by the changes than their male colleagues," he said.

Arun said people under the age of 35, and lower income employees, feel more anxiety and stress related to job security as well.

He added that business owners or decision makers also face much pressure on the choices that they make in this pandemic.

The survey found that more than a third of Malaysians had to take a leave of absence, and that 17% of Malaysian respondents claimed to have either left or lost their jobs.

Phase 3 clinical trial under way
Malaysian volunteers now screened for a China vaccine

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: Thousands of Malaysian volunteers are currently being screened for the Phase Three clinical trial of a Covid-19 vaccine from China, which will involve nine Health Ministry hospitals.

Malaysia is the first country outside China to trial the vaccine, developed by the Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences in China.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin previously said it would also be the first such trial in Malaysia.

A total of 3,000 participants will

be selected for study, with applicants currently being screened for their suitability.

Some volunteers who reached out were asked to be on standby in case there is an opening.

According to an FAQ prepared by the Institute of Clinical Research, half the participants will receive the vaccine, developed using an inactivated virus, while the other half will receive a placebo.

The vaccines or placebos will be administered in two doses, on Day 0 and Day 14, and participants will not know which they have received in order to avoid bias in the study.

The study, the FAQ also reveals, will consist of a series of screening

consent, vaccination and follow-up visits.

"We will first check if you meet the criteria for this study. If you are eligible, and consent to participate, you will need to come to the hospital on the appointed date to receive two doses of the study vaccine or placebo.

"This study will take at least 12 months, involving six follow-up visits to the hospital and 24 phone calls," the FAQ said.

Participants are also required to undergo a throat and nasal swab, provide blood and urine samples, complete records, and inform the study team about symptoms that they have or medications that they

are taking.

The study is open to healthy adults aged 18 years or older, excluding those who have had Covid-19.

"Individuals who have been infected and recovered from Covid-19 infection may have already developed immunity.

"Having volunteers who have recovered from Covid-19 may affect the results of the vaccine efficacy in the study," the FAQ stated.

The study has also been reviewed and approved by the Health Ministry's Medical Research and Ethics Committee to ensure volunteer safety and that the benefits of the study outweigh the risks.

Over 3,000 infections for eight straight days

By JOSEPH KAOS Jr and JUSTIN ZACK
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The number of new daily Covid-19 cases in Malaysia remained above the 3,000-mark for the eighth day in a row, with Kuala Lumpur topping the list of states for most number of infections.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said with the 3,170 new cases, Covid-19 cases in the country now stood at 172,549 cumulatively.

"Kuala Lumpur reported the highest increase with 576 infections.

"Out of this total, 310 or 56.9% were from identified clusters as well as cases detected from active screening of close contacts," he said.

Selangor, which has been the state with the most cases recently, reported 545 new infections yesterday, or 17.2% of the country's total.

In the same 24-hour span, 12 people died due to Covid-19. They were all Malaysians aged between 47 and 84.

Two of them – an 82-year-old man and an 81-year-old woman – were declared "dead on arrival" at Hospital Lahad Datu in Sabah.

Malaysia's Covid-19 death toll is now at 642.

Dr Noor Hisham said a total of 3,170 patients were discharged, bringing the number of recoveries in the country to 130,152.

"Nationally, there are 41,755 active cases that are being treated at hospitals and quarantine centres.

"Of that total, 260 patients are in intensive care, with 103 on ventilator support," he said in his daily briefing here yesterday.

Dr Noor Hisham added that the Health Ministry had identified 16 new Covid-19 clusters nationwide, of which 11 are linked to workplaces.

At present, the country has 327 active clusters.

On another matter, Dr Noor Hisham has suggested that a maximum of 20 people be allowed at funerals to prevent clusters such as the Pasai cluster in Sarawak and last year's Tawar cluster in Kedah from recurring.

"We realise that gatherings such as funerals or weddings have the potential to spread Covid-19 if someone who is positive is in attendance.

This is what we have seen with the two big clusters of Pasai and Tawar.

"We understand that funerals are a sensitive issue, due to cultural and emotional reasons.

"What is more important is we should limit funeral gatherings to 20 people. Such gatherings also need approval from the police," he said.

Dr Noor Hisham added that it was very important for attendees of such gatherings to comply with Covid-19 guidelines at all times.

The Pasai cluster is currently Sarawak's biggest cluster with 981 confirmed infections and one death.

The cluster originated from a 32-year-old woman who travelled from Johor on Dec 29 to attend her father's funeral in Sibul.